

**AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
KALI KE – 13
PERSATUAN KETURUNAN MEGAT TERAWIS MALAYSIA**

**Secara Atas Talian:
Zoom**

Sabtu, 20 Mac 2021 @ 2.30 petang

Doa Pembukaan

Aluan Yang Dipertua

**Alfatihah kepada waris yang telah meninggal sejak Mesyuarat Agung
Tahunan yang lalu.**

Mesyuarat Agung Tahunan ke- 13

Pengesahan Minit Mesyuarat Terdahulu

Laporan Setiausaha

Laporan Bendahari

Usul Daripada Ahli

Lain-lain Hal

Pembubaran dan Pemilihan Jawatan Kuasa Baru

Penangguhan & Bersurai

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
KALI KE – 12
PERSATUAN KETURUNAN MEGAT TERAWIS MALAYSIA**

18 Mei 2019

Di

**Kediaman Tn Hj Megat Abdul Munir
21 Lake Belva, Jalan Tasik Prima 6, Taman Tasik Prima, Puchong, Selangor**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 5.50 petang

Majlis dimulakan dengan bacaan Alfatihah dan dihadiahkan pahala amalannya khusus bagi waris yang telah meninggal dunia.

Laporan Setiausaha

Setiausaha telah membentangkan laporan aktiviti persatuan sepanjang 2018.

Laporan Bendahari

Bendahari telah membentangkan laporan kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

Lain-Lain Hal

Tan Sri Yang Dipertua menegaskan bahawa Persatuan kini kurang mengadakan aktiviti dan menggalakkan penglibatan para waris khususnya dari golongan wanita untuk menerajui aktiviti-aktiviti persatuan.

En Mohammad Suhaimi Bin Ahmad juga menyarankan agar diadakan juga aktiviti berasaskan sukan untuk menarik minat para waris untuk melibatkan diri.

En Megat Mohd Rafizan Bin Megat Abdullah Rafaie menyarankan perlu diadakan aktiviti secara berkala.

Pembubaran Jawatan Kuasa dan Pemilihan Jawatan Kuasa yang Baharu

Majlis sebulat suara bersetuju untuk mengekalkan kesemua Ahli Jawatan Kuasa yang sedia ada kecuali Bendahari – Tn Hj Megat Azleen Bin Megat Ramli yang terpaksa berundur atas sebab kekangan kesihatan beliau. Sdr Megat Mohamad Rafizan Bin Megat Abdullah Rafaie telah sebulat suara dilantik menjadi Bendahari yang baharu.

Senarai Jawatan Kuasa yang Baharu adalah seperti berikut:

Yang Dipertua

Tan Sri Dato' Seri Megat Najmuddin Bin Dato' Seri Dr Megat Khas

Timbalan Yang Dipertua

Megat Zulhazmi Bin Megat Abdullah Rafaie

Setiausaha

Megat Iskandar Bin Megat Zaharuddin

Penolong Setiausaha

Megat Khairil Shafli Bin Megat Khas

Bendahari

Megat Mohd Rafizan Bin Megat Abdullah Rafaie

Ahli-Ahli Jawatan Kuasa:

Megat Abdul Munir Bin Megat Abdullah Rafaie

Megat Amirul Izzat Bin Datuk Dr Megat Burhainuddin

Megat Ibrahim Bin Dato' Megat Mohamed Abdul Wahab

Petri Zanina Binti Megat Zainuddin

Putri Shahda Azza Binti Datuk Dr Megat Burhainuddin

Puteri Nuur Khadijah Binti Megat Ramli

Tun Ahmad Khir Bin Tun Hamzah

**LAPORAN SETIAUSAHA
PERSATUAN KETURUNAN MEGAT TERAWIS MALAYSIA**

Bilangan Ahli

Ahli Seumur Hidup	430
Ahli Biasa	107

Pertubuhan Bersekutu

Istiadat Penjurit Kepetangan Melayu

Tiada aktiviti dijalankan memandangkan sejak tahun 2019 sehingga sepanjang tahun 2020, negara diancam pandemik Covid-19 dan aktiviti sosial melibatkan bilangan orang yang ramai tidak dapat diadakan.

Namun, terdapat inisiatif menghulurkan bantuan bagi ahli keluarga yang kurang bernasib baik telah dibuat oleh Dato' Megat Ahmad Shahrani Bin Megat Sharuddin yang dilakukan di dalam tahun 2020.

Terdapat juga perancangan yang dicadangkan oleh En Megat Mohamed Arif Bin Megat Megat Mohd Ghazali untuk menghulurkan bantuan bagi mangsa banjir yang melibatkan waris keturunan Megat Terawis di Pahang dan Terengganu namun ianya tidak dapat direalisasikan kerana kekangan pergerakan merentas negeri.

MEGAT ISKANDAR BIN MEGAT ZAHARUDDIN
Setiausaha

PENYATA KEWANGAN

**PERSATUAN KETURUNAN MEGAT TERAWIS
MALAYSIA**

**KETERANGAN PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN BAGI
1HB. JANUARI 2019 HINGGA 31 HB. DISEMBER 2020**

PENDAPATAN/PENERIMAAN	RM	PERBELANJAAN/PEMBAYARAN	RM
Baki pada 1.1.2019	1,109.69	-tiada perbelanjaan-	0.00
Yuran Kemasukan	0.00		
Yuran Keahlian	0.00		
		Jumlah Perbelanjaan:	0.00
		Baki pada akhir tahun:	
		Wang Tunai di bank	1,109.69
JUMLAH:	1,109.69	JUMLAH:	1,109.69

MEGAT MOHD RAFIZAN BIN MEGAT ABDULLAH RAFAIE
Bendahari

TAN SRI DATO' SERI MEGAT NAJMUDDIN BIN DATO' SERI MEGAT KHAS
Yang Dipertua

USUL-USUL DARIPADA AHLI

USUL 1:

Pembatalan senarai keahlian sedia ada dan dimulakan senarai keahlian yang baharu

USUL 2:

Pemansuhan kategori Ahli Seumur Hidup – yuran keahlian tahunan kekal RM 10

USUL 3:

Penubuhan Jawatan Kuasa Kecil di peringkat daerah, negeri dan kumpulan

USUL 4:

Pertukaran Alamat Berdaftar dan Alamat Surat Menyurat ke alamat

FAIZAL MEGAT & ASSOCIATES SDN BHD

Suite 45, Kompleks Sentral Point,

1-11, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral,

43000 Kajang, Selangor

LAIN-LAIN HAL

SARANAN DARIPADA AHLI:

Saranan 1:

Tiada lagi kutipan yuran ahli pada hari perhimpunan untuk mengelakkan terlepas pandang. Boleh bayar pakai QR Code. Zaman digital. Setiap transaksi kewangan haruslah disertakan dgn resit rasmi.

Saranan 2:

Naik taraf laman web Persatuan. Gunakan khidmat waris yang berkelayakan dalam IT.

Saranan 3:

Wujudkan Biro IT

Saranan 4:

Wujudkan Biro Komunikasi agar beban tidak digalas oleh Setiausaha sahaja.

Saranan 5:

Maklumat berkaitan persatuan seperti status keahlian, laporan kewangan, salasilah dan sebagainya harus diberi akses secara atas talian kepada semua ahli

Saranan 6:

Salasilah perlu dikemaskini setiap 6 bulan dan semua ahli wajib memberi kerjasama kepada AJK untuk menjayakan proses ini

Saranan 7:

Wujudkan Biro Kebajikan untuk menyelaraskan dan menerajui aktiviti-aktiviti berkaitan bantuan kepada waris